

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Maklumat Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang kemudahan perdagangan anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu, anda juga harus membacanya.

1 APAKAH ITU SURAT KREDIT PERSEDIAAN-I (SBLC-i)

SBLC-i adalah jaminan pembayaran/ prestasi kerja yang dikeluarkan oleh Bank bagi pihak pelanggannya sekiranya berlaku kegagalan pelanggan untuk mematuhi komitmen kontrak mereka dengan pihak ketiga (benefisiari).

Operasi SBLC-i dikendalikan oleh *International Standby Practices (ISP)* dan *Uniform Customs and Practice ("UCP")* bagi Kredit Dokumentari (termasuk setakat mana ia mungkin terpakai, mana-mana SBLC), apabila teks Sokongan secara jelas menyatakan bahawa ia tertakluk kepada peraturan ini.

Kontrak Syariah yang digunakan adalah Kafalah (Jaminan) dengan Ujrah (Fi) di mana penjamin bergabung dengan pihak yang dijamin untuk menanggung tanggungjawab pihak yang dijamin yang telah ditentukan dengan dikenakan bayaran atas jaminan tersebut. Penjamin mempunyai hak untuk menuntut daripada pihak yang dijamin selepas pembayaran kepada benefisiari dibuat.

2 KETAHUI KEWAJIPAN ANDA

Bagi kemudahan ini, sebagai ilustrasi:

- Amaun SBLC-i = RM100,000 (sehingga 100% daripada nilai kontrak)
- Tempoh = 12 bulan (atau tempoh lain yang diterima oleh Bank Islam dari tarikh pengeluaran atau tarikh kontrak)
- Kadar Komisen Efektif Bank = 0.75% setahun
- Komisen SBLC-i = RM750

Anda perlu membayar yuran dan caj berikut:

- I. Duti setem: Seperti yang tertakluk di bawah Akta Setem 1949 [Semakan 1989] (jika berkenaan).
- II. Fi dan Komisen.
- III. Caj-caj lain (jika berkenaan).
- IV. Pos dan kurier (jika ada).

Nota: Sila rujuk laman web kami di www.bankislam.com untuk maklumat lanjut mengenai yuran dan caj.

3 KETAHUI RISIKO ANDA

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda:

- I. Kami boleh mendebitkan akaun anda/ atau mencairkan cagaran anda bagi melunaskan tuntutan setelah menerima tuntutan daripada Benefisiari, sekiranya anda gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut.
- II. Anda perlu **membayar lebih secara keseluruhan** disebabkan oleh caj lewat bayar (caj ganti rugi/ Ta'widh).
- III. Kami boleh **menolak** wang daripada mana-mana akaun anda yang ada dengan kami bagi menolak selesai baki pembiayaan anda yang tertunggak.
- IV. Kami boleh **mengambil tindakan undang-undang** terhadap anda dan **menggunakan semua langkah penyelesaian** yang tersedia di bawah perjanjian sekuriti.
- V. Skor kredit anda mungkin akan terjejas menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal kepada anda.
- VI. Mencetuskan kemungkinan bersilang terhadap kemudahan lain dengan Bank Islam.

4 SYARAT UTAMA LAIN

- Maklumkan kepada kami mengenai sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda.
- Perlindungan Takaful Adalah pilihan, namun begitu anda atau pembekal anda dinasihatkan untuk melanggan perlindungan Takaful yang sesuai.
- Sekiranya anda tidak memenuhi keperluan kredit minimum, kami mungkin memerlukan penjamin atau cagaran tambahan untuk membolehkan anda meneruskan proses penyerahan.

Anda bertanggungjawab untuk



Baca dan fahami **terma-terma utama** dalam **kontrak** sebelum anda menandatangani.



Bayar semua fi, caj dan komisen. Sekiranya Bank membayar tuntutan kepada Benefisiari, anda dikehendaki membayar jumlah tuntutan tersebut dengan segera kepada Bank.



Segera hubungi kami jika anda mempunyai kesulitan untuk menyelesaikan pembayaran kemudahan ini.

CONFIDENTIAL

- Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pinjaman secara percuma kepada individu / Pemilik Tunggal / Perusahaan Kecil dan Sederhana.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk kami, and boleh:



Hubungi kami di
+603-26 900 900



Layari kami di
<https://www.bankislam.com>



E-mel kami melalui
contactcentre@bankislam.com.my

Perakuan Pelanggan

(Perakuan pelanggan ke atas PDS ini tidak akan menjejaskan hak merayu (redress) pelanggan jika berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk)

Pastikan anda mengisi sendiri bahagian ini dan mengetahui tujuan anda menurunkan tandatangan.

- Saya mengakui Bank Islam telah memberikan kepada saya salinan PDS.
- Saya telah membaca dan memahami maklumat penting yang terkandung dalam PDS ini.

Nama:
Tarikh:

CONFIDENTIAL